

SINAR HARIAN 30/5/14

Gesa SPRM pantau

SHAH ALAM - Jaringan Melayu Malaysia (JMM) menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuat pemantauan terhadap proses siasatan dua produk Cadbury yang disahkan mengandungi DNA babi.

Presidennya, Azwanddin Hamzah berkata, pemantauan ini penting bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan terhadap proses itu.

Katanya, JMM turut mempersoalkan mengapa Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, tidak membuat tindakan undang-undang kepada Cadbury tetapi sebaliknya mengarahkan JMM untuk berbuat demikian.

"Bagaimanakah Subramaniam boleh tampil ke hadapan untuk mempertahankan syarikat Cadbury ini dan bukan kementeriannya sendiri? Perkara ini amat ganjil, sedangkan kesalahan dilakukan oleh syarikat itu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Pada masa sama katanya, mengenai isu kemungkinan berlaku pencemaran pada dua coklat itu, Azwanddin berkata ia memberi gambaran bahawa sebarang kemungkinan boleh berlaku termasuklah pencemaran dari racun.

"Sebarang kemungkinan yang tidak diinginkan juga boleh berlaku. Jika pencemaran ini boleh dijadikan alasan, bagaimanakah ia boleh mendapat status halal?

"Bagi pihak JMM, kami akan terus menyaman syarikat Cadbury dan akan mengumpulkan masyarakat Islam yang telah ditipu oleh syarikat itu," katanya.

Rasuah penjawat awam serius

■ NOORAZURA ABDUL RAHMAN

KANGAR - Risiko Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati penyelewengan petrol dan diesel bersubsidi melibatkan sindiket di negara ini dengan negara jiran sudah berada di tahap serius.

Pengarah Bahagian Risiko SPRM, Datuk Azam Baki yang tidak menyebut negara jiran itu berkata, operasi sindiket terbabit berjalan dengan terancang dan bukan dilakukan oleh individu.

"Penyelewengan ini sampai tahap serius kerana unsur rasuah membabitkan penjawat awam dari pelbagai agensi sangat jelas manakala syarikat pembekal tidak terbabit," katanya.

Beliau bercakap dalam sidang akhbar selepas menyeksikan majlis serah terima tugas jawatan Pengarah

SPRM Perlis antara Alias Darus kepada Yaacop Angah di sini, semalam.

Alias ditukarkan ke Kedah sebagai timbalan pengarah mulai 15 Februari lalu manakala Yaacop sebelum ini merupakan Ketua Cawangan SPRM Seberang Prai, Pulau Pinang.

Menurut Azam, ketirisan bermula di lapangan akibat sistem dan prosedur yang longgar selain harga bahan bakar itu antara yang termurah dalam kalangan negara Asean menyebabkan banyak pihak ingin mencari keuntungan mudah.

Katanya, pemantauan ketat di tempat-tempat yang dikenalpasti telah dilaksanakan sejak isu terbongkar malah SPRM bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk membanteras penyelewengan itu.

"Pengarah-pengarah



Azam (tengah) menyeksikan pertukaran dokumen serah tugas antara Yaacop (dua, kiri) dan Alias (dua, kanan) di Pejabat SPRM Perlis, Bangunan Persekutuan, semalam.

SPRM negeri akan turut dilibatkan jika timbul isu berkaitan di negeri terbabit, katanya.

Sebelum itu, Yaacop berkata pihaknya menerima 29 maklumat dakwaan rasuah sehingga semalam dan membuka tujuh kertas siasatan membabitkan tuntutan pal-

syorkan tindakan tata tertib dan teguran dibuat terhadap mereka.

Sementara itu, SPRM Perlis percaya ketirisan bahan api ke negara jiran ada melibatkan anggota agensi penguatkuasaan dalam negeri ini.

Yaacop berkata, ketirisan

an itu boleh menyebabkan ekonomi negara terjejas, justeru pihaknya akan melakukan intipan dan risikan secara berterusan di kawasan yang berisiko berlakunya rasuah terutamanya di sempadan negara.

Katanya tindakan itu diambil berikutan beberapa siri rampasan bahan api seperti diesel dan petrol yang disyaki mahu diseludup keluar oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Bagi memudahkan urusan risikan, pihak kami akan mengukuhkan kerjasama antara ketua dan anggota di setiap jabatan dan agensi terlibat.

"Kita sedang berusaha menumpaskan sindiket dan sesiapa sahaja anggota yang terlibat, perkara ini tidak boleh dipandang remeh kerana ia melibatkan ekonomi negara," katanya.

SINAR
HARIAN
22/5/14